

# Felcor<sup>®</sup> modified-release tablet

Felodipine

Patient Information Leaflet

**FELOCOR<sup>®</sup> 5mg Tablet**  
**FELOCOR<sup>®</sup> 10mg Tablet**  
(Felodipine modified-release tablet)

## WHAT IS IN THIS LEAFLET?

1. What Felcor is used for
2. How Felcor works
3. Before you take Felcor
4. How to take Felcor
5. While you are using Felcor
6. Possible side effects
7. After Using Felcor
8. Product description
9. Manufacturer
10. Marketing Authorization Holder

### Read this entire leaflet before you start taking the medication.

- Keep this leaflet. You may need to read again.
- Ask your doctor or pharmacist if you need more information or advice.
- This medicine has been prescribed for you. Do not pass it on to others. It may harm them, even if their symptoms are the same as yours.
- If any of the side effects gets serious, or if you notice any side effects not listed in this leaflet, please tell your doctor or pharmacist.

## 1. WHAT FELOCOR IS USED FOR

Felcor contains the active ingredient Felodipine.

Felcor is used to treat high blood pressure (hypertension) and stable angina pectoris (chest pain).

## 2. HOW FELOCOR WORKS

Felodipine belongs to the group of medicines called Calcium Channel Blockers. It lowers blood pressure by expanding the small blood vessels allowing the blood to be pumped around the body more easily.

The modified-release tablet formulation of Felcor means that the tablets are designed to work over a 24-hour period.

## 3. BEFORE YOU TAKE FELOCOR

### When you must not take it

Do not take Felcor if you:

- Have ever had allergic reaction to felodipine (or other medicines in the dihydropyridine group such as *amlodipine* or *nifedipine*), the active ingredient, or to any other ingredients in Felcor,
- Have severe heart problems,
- Have cardiogenic shock (a serious condition where the heart is damaged and unable to supply enough blood to the body),
- Have decompensated heart failure (heart has lost the ability to supply enough blood to the body),
- Have had a heart attack in the last month,
- Have severe liver problems,
- Are pregnant, or think you are pregnant.

If you are not sure whether you should start taking this medicine, consult your doctor.

### Before you start to take it:

Tell your doctor if you have allergies to any other medicines, foods, preservatives or dyes.

Tell your doctor if you:

- Think you are (or might be) pregnant,
- Have a history of swelling of the face, lips, tongue, throat, hands or feet.
- Have any heart problem, including chest pain,
- Suffer from any kidney problems,
- Suffer from any liver problems,
- Suffer from inflammation of gums.

### Taking / using other medicines

Inform your doctor or pharmacist if you are taking or if you have recently taken any other medicines, including medicines obtained without a prescription.

Some medicines and Felcor may interfere with each other. It is important to tell your doctor or pharmacist if you are taking:

- Any other medicines to treat high blood pressure,
- Medicines to treat depression (eg. amitriptyline, clomipramine),
- Cimetidine – a medicines used to treat stomach ulcers or heartburn,
- Medicines for fungal infections (eg. ketoconazole, fluconazole),
- Erythromycin – an antibiotic,
- Protease inhibitors – medicines used in HIV treatment (eg. saquinavir, indinavir)
- Medicines for epilepsy or convulsions (eg. carbamazepine, phenytoin, phenobarbital),
- Diuretics – medicine that reduces water in the body (eg. frusemide, hydrochlorothiazide),
- Cyclosporine – a medicine given to prevent your body from rejecting the transplanted organ,
- Digoxin – a medicine to treat heart failure or irregular heart beat.
- Grape fruit juice,
- Saint John's Wort – a herbal medicine.

Your doctor or pharmacist will have more information on the medicines you should avoid.

### Pregnancy and breast-feeding

Tell your doctor if you are pregnant; think you are pregnant or planning to become pregnant. Felcor is not recommended during pregnancy and may caused harm to the baby.

Tell your doctor if you are breastfeeding or about to start breastfeeding. Felcor is not recommended for mothers who are breastfeeding. Your doctor may choose another treatment for you if you wish to breastfeed.

# Felcor<sup>®</sup> modified-release tablet

Felodipine

Patient Information Leaflet

---

## 4. HOW TO TAKE FELOCOR

Always take Felcor exactly according to the instructions given to you by your doctor or pharmacists. If you are unsure, check with your doctor or pharmacist.

### How much to take

The dose given by your doctor may differ from this leaflet.

The usual starting dose is 5mg once daily. Depending on your response, your doctor may increase your Felcor dose. The recommended initial dose should be adjusted in the elderly and patient with impaired liver function. Caution should be taken in patients with severe renal impairment.

Felcor tablets may also be given together with other blood pressure lowering medicines.

### When to take it

Take Felcor at the same time everyday to ensure good control on your blood pressure.

### Taking Felcor with food and drink

Felcor can be taken with or without food. Swallow whole Felcor tablet with a glass of water. Do not cut, crush or chew the tablet.

Do not take with Grape Fruit Juice as it will increase the effect of Felcor.

### How long to take it

Continue to take your medicines as long as your doctor tells you. This medicine helps to control your condition, but does not cure it. It is important to keep taking your medicine even if you feel well.

### If you forget to take it

Take your dose as soon as you remember and continue to take it as you would normally. Do not take a double dose to make up for the dose you missed.

### If you take too much (overdose)

If you or anyone else takes too many tablets, you should immediately go to your nearest hospital emergency department or tell your doctor. Do this even if there are no signs of discomfort or poisoning. Take the carton or any remaining tablets you have with you.

Symptoms of an overdose may include headache, nausea, dizziness, fainting, or feeling very tired.

*If you have any further questions on the use of this product, ask your doctor or pharmacist.*

---

## 5. WHILE YOU ARE USING FELOCOR

### Things you must do

- Always take Felcor exactly according to the instructions given to you by your doctor or pharmacists. If you are unsure, check with your doctor or pharmacist.
- Inform your doctor or pharmacist if you are taking or if you have recently taken any other medicines, including medicines obtained without a prescription such as supplements or traditional medicines.
- Tell your doctor or pharmacist immediately if you notice any side effects, or if the side effects get serious or anything else that make you feel unwell.
- If you become pregnant, or plan on becoming pregnant while taking Felcor, tell your doctor immediately.
- If you are about to be started on a new medicine, remind your doctor and pharmacist that you are taking Felcor.

### Things you must not do

- Do not take grapefruit juice with Felcor as it may increase the effect of Felcor.
- Do not stop taking your medicines without consulting your doctor. It is important to keep taking your medicine even if you feel well.
- Do not use Felcor after the expiry date which is stated on the carton and blister.

- Do not give this medication to anyone else, even if they have the same condition as you.

### Things to be careful of

#### • Driving and using machines

Be careful when driving or operating machineries while you are taking Felcor. Felcor may cause dizziness or drowsiness in some people especially during the first dose or after the dose is increased. If you experience dizziness or drowsiness, consult your doctor before attempting such activities.

Drinking alcohol together with Felcor may also cause dizziness and drowsiness.

---

## 6. POSSIBLE SIDE EFFECTS

All medicines can have side effects. Felcor may cause unwanted side effects although not everybody gets them.

Tell your doctor or pharmacist if you notice the following *mild* side effects:

- Flushing (reddening of the face)
- Headache
- Tinnitus (ringing or buzzing noise)
- Swelling of legs or hands (edema)
- Chest pain (angina), particularly at the beginning of the treatment. Frequency of attacks may increase in patient with pre-existing angina.
- Light-headedness or dizziness
- Low blood pressure
- Tiredness or fatigue
- Faster heart beat
- Frequent urination
- Tremors and paresthesia (numbness or tingling sensation),
- Nausea, vomiting, diarrhea, constipation,
- Weight gain
- Sweating
- Pain, swelling or redness in your gums.
- Impotency,
- Fever
- Liver function abnormalities,

# Felacor<sup>®</sup> modified-release tablet

Felodipine

Patient Information Leaflet

- Heavy and prolonged menstrual period.

These effects are more likely to occur if you are taking high dosage. They usually occur during the start of the treatment or when the dose is increased. They usually go away or get less with time.

The following are *serious but rare* side effects. You may need urgent medical attention.

- Severe allergic reaction (rash, itching, swelling of hands, face, lips or tongue),
- Exfoliative dermatitis (skin redness, scaling of the skin, itchiness),
- Heart attack,

***Tell your doctor or pharmacist immediately if you notice the side effects continues or getting serious or anything else that make you feel unwell.***

***Other side effects not listed above may also occur in some people.***

---

## 7. AFTER USING FELOCOR

---

### Storage

Store in a cool dry place below 25°C. Store in original package to protect from heat and moisture.

Do not store Felacor or any other medicines in the bathroom, near a sink, leave it at the window sill or in the car.

Keep out of the reach and sight of children.

### Disposal

The expiry date of Felacor is printed on the carton and blister. Do not use if after expiry date.

If your doctors tell you to stop taking Felacor or the expiry date has passed, ask your pharmacist what to do with the remaining medicines.

---

## 8. PRODUCT DESCRIPTION

---

### What it looks like?

Felacor<sup>®</sup> 5mg modified-release tablet is a round, biconvex film-coated, pale-red to grey-red tablet embossed with the 'F5' on one side.

Felacor<sup>®</sup> 10mg modified-release tablet is a round, biconvex film-coated, pale-red to grey-red tablet embossed with the 'F10' on one side.

Felacor comes in strip packs of 30, 50, or 100 modified-release tablets per box.

### Ingredients

The active ingredient:

Felacor<sup>®</sup> 5mg: Felodipine 5mg

Felacor<sup>®</sup> 10mg: Felodipine 10mg

The other ingredients are:

Lactose monohydrate, hydroxypropyl methylcellulose, sodium lauryl sulphate, microcrystalline cellulose, magnesium stearate, ferric oxide (yellow), ferric oxide (red), opadry white (consist of lactose monohydrate, macrogol, titanium dioxide, hydroxypropylmethylcellulose).

### Registration Number

Felacor<sup>®</sup> 5mg: MAL07050185A

Felacor<sup>®</sup> 10mg: MAL07050186A

---

## 9. MANUFACTURER

---

Manufactured by:

Salutas Pharma GmbH  
Otto-von-Guericke-Allee 1,  
D-39179 Barleben, Germany

For:

HEXAL AG  
Industriestraße 25,  
83607 Holzkirchen,  
Germany

---

## 10. MARKETING AUTHORISATION HOLDER

---

Marketing Authorisation Holder:

Idaman Pharma Sdn. Bhd.  
17, Jalan Wangsa Delima 1A,  
Seksyen 5, Pusat Bandar Wangsa Maju,  
53300 Kuala Lumpur, Malaysia

Authorised Importer and Distributor:

IMEKS Pharma Sdn. Bhd.

No. 1 & 2, Jalan 6/33B,  
MWE Commercial Park,  
52000 Kuala Lumpur, Malaysia

Date of Revision: 18-July-2011

# Felocor<sup>®</sup> modified-release tablet

Felodipine

Risalah Maklumat Ubat Pengguna

**FELOCOR<sup>®</sup> 5mg Tablet**

**FELOCOR<sup>®</sup> 10mg Tablet**

(Felodipine dalam bentuk tablet pelepasan modifikasi – ‘*modified-release*’)

## APAKAH YANG ADA PADA RISALAH INI?

1. Apakah Kegunaan Felocor
2. Bagaimana Felocor berfungsi
3. Sebelum mengambil Felocor
4. Cara menggunakan Felocor
5. Semasa menggunakan Felocor
6. Kesan-kesan sampingan
7. Selepas menggunakan Felocor
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang
10. Pemegang pendaftaran produk

## Baca seluruh risalah ini sebelum anda mula ambil ubat ini.

- Simpan risalah ini. Anda mungkin perlu membacanya lagi.
- Sekiranya anda perlu maklumat lanjut, sila rujuk doktor atau ahli farmasi anda.
- Ubat ini dipreskribkan kepada anda. Jangan berikan kepada orang lain. Ini mungkin membahayakan kesihatan mereka walaupun simptom-simptom yang dialami adalah sama dengan anda.
- Sekiranya sebarang kesan sampingan menjadi serius, atau anda mengalami sebarang kesan sampingan yang tidak disenaraikan dalam risalah ini, sila maklumkan doktor atau ahli farmasi anda.

## 1. APAKAH KEGUNAAN FELOCOR

Felocor mengandungi bahan aktif yang dikenali sebagai Felodipine.

Felocor digunakan dalam rawatan tekanan darah tinggi (hipertensi) dan *angina pectoris* yang stabil (sakit dada).

## 2. BAGAIMANA FELOCOR BERFUNGSI

Felodipine adalah dari kumpulan ubat yang dikenali sebagai ‘*Calcium Channel Blockers*’. Ia menurunkan tekanan darah

dengan melebarkan saluran darah kecil dan membolehkan darah dipam ke seluruh badan dengan lebih mudah.

Formulasi tablet dalam bentuk pelepasan modifikasi (*modified-release*) bermaksud tablet ini direkabentuk untuk berfungsi sepanjang tempoh 24 jam.

## 3. SEBELUM MENGAMBIL FELOCOR

### Bila tidak boleh diambil

Anda tidak boleh mengambil Felocor sekiranya anda:

- Pernah mengalami alahan terhadap bahan aktif felodipine (atau ubat lain dalam kumpulan *dihydropyridine* seperti amlodipine atau nifedipine), atau kepada bahan-bahan lain dalam Felocor.
- Mempunyai masalah jantung yang serius,
- Mempunyai *cardiogenic shock* (sejenis keadaan serius di mana kerosakan pada jantung menyebabkan ia tidak dapat membekalkan darah yang cukup ke seluruh badan),
- Mempunyai kegagalan jantung ‘*decompensated*’ (Jantung hilang keupayaan untuk membekalkan darah yang cukup ke seluruh badan)
- Mengalami serangan sakit jantung pada bulan sebelumnya,
- Mengalami masalah hati yang serius,
- Mengandung, atau beranggapan anda telah mengandung,

Bincang dengan doktor sekiranya anda tidak pasti sama ada anda patut mengambil ubat ini atau tidak.

### Sebelum mula mengambil Felocor:

Beritahu doktor anda sekiranya anda mengalami alahan terhadap ubat-ubatan lain, makanan, bahan pengawet atau bahan pewarna.

Beritahu doktor anda sekiranya anda:

- Beranggapan anda telah atau mungkin telah mengandung,

- Pernah mengalami ke Bengkakan pada muka, bibir, lidah, kerongkong, tangan atau kaki,
- Mempunyai sebarang masalah jantung, termasuk sakit dada,
- Mempunyai penyakit ginjal,
- Mempunyai penyakit hati,
- Mempunyai keradangan pada gusi.

### Jika mengambil ubat-ubat lain

Maklumkan kepada doktor atau ahli farmasi sekiranya anda ada mengambil sebarang ubat lain, termasuk ubat-ubat yang didapatkan tanpa preskripsi.

Sesetengah ubat boleh berinteraksi dengan Felocor. Adalah penting untuk anda memberitahu doktor atau ahli farmasi sekiranya anda ada mengambil:

- Sebarang ubat lain untuk merawat tekanan darah tinggi,
- Ubat untuk kemurungan (cth. amitriptyline, clomipramine),
- Cimetidine – sejenis ubat untuk rawatan ulser perut atau pedih ulu hati,
- Ubat untuk jangkitan kulat (cth. ketoconazole, fluconazole),
- Erythromycin – sejenis antibiotik,
- *Protease Inhibitors* – ubat untuk rawatan HIV (cth. saquinavir, indinavir),
- Ubat untuk sawan (cth. carbamazepine, phenytoin, phenobarbital),
- Diuretik – ubat untuk mengurangkan air dalam badan (cth. frusemide, hydrochlorothiazide),
- Cyclosporine – ubat untuk mencegah badan anda daripada menolak organ yang dipindahkan,
- Digoxin – ubat untuk rawatan kegagalan jantung atau degupan jantung tidak normal,
- Jus limau gedang (*grapefruit*),
- Saint John’s Wort – sejenis ubat herba.

Doktor atau ahli farmasi anda boleh memberikan maklumat yang lebih terperinci mengenai pengambilan ubat-ubatan yang perlu anda hindari.

# Felcor<sup>®</sup> modified-release tablet

Felodipine

Risalah Maklumat Ubat Pengguna

## Semasa Mengandung dan Menyusu Bayi

Maklumkan kepada doktor sekiranya anda mengandung, beranggapan anda telah mengandung atau bercadang untuk mengandung. Pengambilan Felcor adalah tidak disyorkan semasa mengandung kerana ia mungkin akan membahayakan bayi anda.

Maklumkan kepada doktor sekiranya anda sedang menyusu atau bercadang untuk menyusu. Pengambilan Felcor tidak disyorkan kepada ibu yang sedang menyusu. Doktor anda mungkin akan memilih rawatan lain sekiranya anda ingin menyusukan bayi anda.

## 4. CARA MENGGUNAKAN FELOCOR

Sentiasa ambil Felcor sepertimana yang diarahkan oleh doktor atau ahli farmasi anda. Jika anda tidak pasti, tanya kepada doktor atau ahli farmasi anda.

### Berapa banyak harus diambil

Dos yang diberikan oleh doktor anda mungkin berlainan dengan risalah ini.

Biasanya, dos permulaan adalah 5mg diambil sekali sehari. Bergantung kepada reaksi anda, doktor mungkin akan menambahkan dos anda. Dos permulaan perlulah direndahkan bagi warga emas dan pesakit yang mempunyai masalah hati. Perhatian hendaklah diberikan kepada pesakit yang mempunyai masalah buah pinggang yang serius.

Felcor juga mungkin akan diberikan bersama ubat lain yang turut berfungsi untuk menurunkan tekanan darah.

### Bila perlu diambil

Ambil Felcor pada waktu yang sama setiap hari untuk memastikan pengawalan tekanan darah yang baik.

### Diambil dengan makanan dan minuman

Felcor boleh diambil dengan atau tanpa makanan. Telan tablet Felcor dengan

segelas air. Jangan potong, hancurkan atau kunyah tablet tersebut.

Jangan ambil dengan jus limau gedang kerana ia akan meningkatkan kesan Felcor.

### Berapa lama perlu diambil

Teruskan pengambilan ubat ini selagi anda diarahkan oleh doktor. Ubat ini bertujuan untuk mengawal masalah kesihatan anda tetapi bukan untuk menyembuhkannya. Adalah penting untuk anda terus mengambil ubat ini walaupun anda berasa sihat.

### Jika terlupa mengambil

Ambil dos anda dengan segera apabila anda teringat dan teruskan mengambil Felcor seperti biasa. Jangan ambil dos berganda untuk menggantikan dos yang anda terlupa.

### Jika mengambil berlebihan (terlebih dos)

Jika anda, atau sesiapa telah mengambil ubat ini secara berlebihan, anda hendaklah segera ke Bahagian Rawatan Kecemasan Hospital terdekat atau maklumkan kepada doktor anda. Ini perlu dilakukan walaupun tiada sebarang tanda ketidakselesaian atau keracunan. Bawa bersama bungkusan atau baki ubat yang selebihnya dengan anda.

Antara simptom pengambilan dos yang berlebihan adalah termasuk sakit kepala, mual, pening atau rasa letih.

*Tanya doktor atau ahli farmasi anda, sekiranya anda mempunyai sebarang pertanyaan lanjut mengenai penggunaan ubat ini.*

## 5. SEMASA MENGGUNAKAN FELOCOR

### Perkara yang perlu dilakukan

- Sentiasa ambil Felcor mengikut arahan yang diberikan oleh doktor atau ahli farmasi anda. Dapatkan nasihat doktor atau ahli farmasi anda sekiranya anda tidak pasti.
- Beritahu doktor atau ahli farmasi anda sekiranya sejak kebelakangan ini anda ada

mengambil sebarang jenis ubat, termasuk ubat tanpa preskripsi seperti suplemen atau ubat tradisional,

- Beritahu doktor atau ahli farmasi anda sekiranya kesan sampingan menjadi serius atau anda mengalami reaksi lain yang menyebabkan anda berasa tidak sihat.
- Beritahu doktor anda dengan segera sekiranya anda telah mengandung, atau bercadang untuk mengandung semasa mengambil Felcor.
- Jika anda akan mula mengambil ubat baru, ingatkan doktor dan ahli farmasi bahawa anda sedang mengambil Felcor.

### Perkara yang tidak boleh dilakukan

- Jangan minum jus limau gedang dengan Felcor kerana ini akan meningkatkan kesan Felcor.
- Jangan berhenti mengambil Felcor tanpa kebenaran doktor anda. Adalah amat penting untuk anda meneruskan pengambilan Felcor walaupun anda berasa sihat.
- Jangan menggunakan Felcor yang telah melebihi tarikh luput yang dicetak pada kotak dan strip ubat.
- Jangan berikan ubat ini kepada orang lain, walaupun mereka mempunyai masalah kesihatan yang sama dengan anda.

### Perkara yang perlu diberi perhatian

- **Memandu dan menggunakan mesin**  
Berhati-hati ketika memandu atau menggunakan mesin semasa anda mengambil Felcor. Felcor mungkin menyebabkan sesetengah individu mengantuk atau pening terutamanya semasa dos pertama atau selepas dos ditambah. Jika anda mengantuk atau pening, dapatkan nasihat doktor anda sebelum menjalankan aktiviti-aktiviti seperti ini.

Pengambilan alkohol bersama Felcor juga boleh menyebabkan anda mengantuk atau pening.

# Felcor<sup>®</sup> modified-release tablet

Felodipine

Risalah Maklumat Ubat Pengguna

## 6. KESAN-KESAN SAMPINGAN

Semua ubat mempunyai kesan sampingan. Felcor mungkin menyebabkan kesan sampingan kepada sesetengah individu.

Beritahu doktor atau ahli farmasi anda sekiranya anda mengalami kesan-kesan sampingan yang *ringan* seperti berikut:

- Muka rasa panas atau merah (*flushing*)
- Sakit kepala
- Tinnitus (bunyi berdering atau berdengung)
- Bengkak pada kaki atau tangan (*edema*)
- Sakit dada (*angina*), terutamanya pada permulaan rawatan. Kekerapan sakit dada mungkin meningkat bagi pesakit yang sedia ada mengalami *angina* sebelum ini.
- Pening atau pitam
- Tekanan darah rendah
- Keletihan atau lesu
- Degupan jantung bertambah cepat
- Kerap membuang air kecil
- Badan bergetar dan *paresthesia* (rasa kebas atau seperti dicucuk jarum)
- Mual, muntah, cirit-birit dan sembelit
- Berat badan bertambah
- Berpeluh
- Sakit, bengkak atau kemerahan pada gusi
- Mandul
- Demam
- Fungsi hati tidak normal
- Haid yang berlebihan atau berpanjangan.

Kesan-kesan sampingan ini lebih kerap berlaku sekiranya anda mengambil dos yang tinggi. Ia biasanya berlaku semasa permulaan rawatan atau bila dos ditambah. Ia biasanya akan hilang atau berkurang setelah beberapa ketika.

Kesan-kesan sampingan berikut adalah *jarang tetapi serius*. Anda mungkin memerlukan perhatian perubatan dengan segera.

- Reaksi alahan yang serius (ruam, gatal, bengkak pada tangan, muka, bibir atau lidah),
- *Exfoliative dermatitis* (kulit merah, bersisik dan gatal).

- Serangan sakit jantung.

**Beritahu doktor atau ahli farmasi anda sekiranya kesan sampingan menjadi serius atau anda mengalami reaksi lain yang menyebabkan anda berasa tidak sihat. Kesan-kesan sampingan lain yang tidak disenaraikan mungkin juga akan dialami oleh sesetengah individu.**

## 7. SELEPAS MENGGUNAKAN FELOCOR

### Penyimpanan

Simpan di tempat sejuk dan kering dibawah suhu 25°C. Simpan dalam bungkusan asal untuk melindungi daripada haba dan kelembapan.

Jangan simpan Felcor atau ubat-ubat lain di dalam tandas, berdekatan dengan sinki, ditinggalkan di tepi tingkap atau di dalam kereta.

Jauhi daripada kanak-kanak.

### Pelupusan

Jangan guna Felcor yang telah melebihi tarikh luput yang dicetak pada kotak atau strip.

Jika anda diarahkan oleh doktor untuk berhenti mengambil Felcor, atau ia telah melebihi tarikh luput, tanya ahli farmasi anda bagaimana untuk mengendalikan baki ubat tersebut.

## 8. MAKLUMAT LANJUT

### Rupa dan warna Felcor.

Felcor<sup>®</sup> 5mg modified-release tablet adalah bulat, dwicembung bersalutkan filem, berwarna merah pucat atau kelabu-merah dan dengan tanda 'F5' pada sebelah permukaan tablet.

Felcor<sup>®</sup> 10mg modified-release tablet adalah bulat, dwicembung bersalutkan filem, berwarna merah pucat atau kelabu-merah dan dengan tanda 'F10' pada sebelah permukaan tablet

Felcor dibungkus dalam pek strip 30, 50, atau 100 biji tablet sekotak.

### Bahan-bahan kandungan

Bahan aktif Felcor adalah:

Felcor<sup>®</sup> 5mg: Felodipine 5mg

Felcor<sup>®</sup> 10mg: Felodipine 10mg

Bahan-bahan lain:

Laktosa monohidrat, *hydroxypropyl methylcellulose*, *sodium lauryl sulphate*, *microcrystalline cellulose*, *magnesium stearate*, *ferric oxide* (kuning), *ferric oxide* (merah), opadry putih (mengandungi laktosa monohidrat, *macrogol*, titanium dioksida, *hydroxypropyl methylcellulose*).

### Nombor pendaftaran

Felcor<sup>®</sup> 5mg: MAL07050185A

Felcor<sup>®</sup> 10mg: MAL07050186A

## 9. PENGILANG

Dikilangkan oleh:

Salutas Pharma GmbH  
Otto-von-Guericke-Allee 1,  
D-39179 Barleben, Germany

Untuk:

HEXAL AG  
Industriestraße 25,  
83607 Holzkirchen,  
Germany

## 10. PEMEGANG PENDAFTARAN PRODUK

Pemegang Pendaftaran Produk:

Idaman Pharma Sdn. Bhd.  
17, Jalan Wangsa Delima 1A,  
Seksyen 5, Pusat Bandar Wangsa Maju,  
53300 Kuala Lumpur, Malaysia

Pengimport dan Pengedar:

IMEKS Pharma Sdn. Bhd.  
No. 1 & 2, Jalan 6/33B,  
MWE Commercial Park,  
52000 Kuala Lumpur. Malaysia

Tarikh kemaskini: 18-Julai-2011